

13/07/2004

Kementerian teliti pelan insurans kesihatan

KEMENTERIAN Kesihatan masih menjalankan kajian dan meneliti pandangan pelbagai pihak termasuk swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai penubuhan Pihak Berkuasa Pembiayaan Kewangan Kesihatan Kebangsaan (NHFA) serta pelaksanaan Pelan Insurans Kesihatan Kebangsaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, Lee Kah Choon, berkata kerajaan mahu pelan insurans yang diwujudkan nanti menepati keperluan dan dimanfaatkan semua lapisan rakyat.

"Kita memerlukan masa yang lama supaya penubuhan NHFA dan pelaksanaan skim insurans itu tidak menimbulkan masalah pada masa depan," katanya menjawab soalan tambahan Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam).

Menjawab soalan asal Chong, Lee berkata nama sebenar pelan dan penubuhan badan berkenaan belum diputuskan, malah tarikh pelaksanaannya belum ditetapkan.

Katanya, kerajaan prihatin dan menyedari perlunya diwujudkan mekanisme pembiayaan kesihatan yang berpatutan untuk rakyat.

Sementara itu, menjawab soalan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) mengenai kemungkinan kerajaan menubuhkan pusat penyelidikan penyakit, Lee berkata, kerajaan sudah pun menubuhkan Pusat Institut Kebangsaan Produk Asli dan Vaksinologi (IKVAP) bagi menyokong, menggalakkan dan menggandingkan usaha secara koordinasi dan bersepadu dalam penyelidikan dan pembangunan ubat herba dan vaksin.

Katanya, institut itu ditubuhkan pada 21 Mei tahun lalu di bawah naungan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

(END)